

Contoh Rancangan Pengajaran

Bagi membantu guru menggunakan bahan Kumpulan Cerita Animasi, contoh rancangan pengajaran telah disediakan. Di dalam contoh rancangan pengajaran ini pelbagai aktiviti dan alat penilaian juga disarankan. Guru boleh dan digalakkan mengubah suai contoh rancangan pengajaran ini bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid.

Cerita Animasi 3 – Anjing yang Tamak

Tajuk Cerita	Anjing yang Tamak
Jangka Masa	1-2 Waktu
Fokus Interaksi Lisan	Berbual dan berbincang
Aspek Bahasa	Kata Nama

STRATEGI PEMBELAJARAN	BAHAN / CATATAN
<p>Aktiviti</p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none"> Memberikan respons kepada pertanyaan guru mengenai cerita rakyat yang mereka tahu Menonton cerita animasi 'Anjing yang Tamak' Berbual tentang cerita yang ditonton Berbincang tentang nilai-nilai yang terkandung dalam cerita dengan panduan guru melihat kad aktiviti dan mengisikan kad aktiviti dengan perkataan yang sesuai. main peranan dengan menggunakan kad aktiviti di hadapan kelas bertukar-tukar peranan secara bergilir-gilir melengkapkan alat penilaian. <p>Aktiviti Lanjutan</p> <p>Guru boleh meminta murid menceritakan semula cerita animasi yang telah ditonton. Kepada ahli keluarga. Guru boleh meminta murid melibatkan salah seorang anggota keluarga sebagai salah satu watak dalam cerita animasi.</p>	<p>Catatan</p> <ul style="list-style-type: none"> Dalam aktiviti pembelajaran, guru boleh menyediakan Lembaran Kerja papan cerita. Guru membimbing murid membuat papan cerita. Guru menilai bacaan murid dan memberikan maklum balas. <p>Soalan Saranan (permulaan)</p> <ol style="list-style-type: none"> Pernah kamu membaca cerita tentang binatang? Berkongsilah cerita kamu dengan rakan-rakan lain. Apakah yang kamu pelajari daripada cerita tersebut Apakah yang menarik tentang watak haiwan yang kamu baca itu? <p>Soalan Saranan tentang Cerita 'Anjing yang Tamak'</p> <ol style="list-style-type: none"> Apakah yang sedang dilakukan oleh Anjing itu? Untuk pulang ke rumahnya, apakah yang perlu dilakukan oleh Anjing itu? Apakah yang terjadi ketika Anjing menyeberang titi? Apakah yang kamu pelajari daripada cerita 'Anjing yang Tamak'? <p>Bahan</p> <p>Contoh Papan Cerita Alat Penilaian (Guru dan Murid)</p>

ALAT PENILAIAN

Cerita Animasi 3: Anjing yang Tamak

Senarai Semak: Penilaian Kendiri (Murid) Membaca/Bercerita

Nama: _____ ()

Kelas: _____ Tarikh: _____

Tandakan [√]

No	PERKARA	(Ya) ☆
1	Saya boleh mengikut arahan guru.	
2	Saya boleh membaca menggunakan perkataan-perkataan yang disediakan oleh guru.	
3	Saya boleh menyebut perkataan dengan betul.	
4	Saya tidak memerlukan bantuan guru semasa membaca.	
5	Saya bertutur menggunakan sebutan baku.	

Cerita Animasi 3: Anjing yang Tamak

Senarai Semak: Penilaian Guru (Membaca)

Nama: _____ ()

Kelas: _____ Tarikh: _____

Tandakan [✓]

No	PERKARA	(Ya) ★
1	Murid boleh mengikut arahan guru.	
2	Murid boleh membaca menggunakan perkataan-perkataan yang disediakan oleh guru.	
3	Murid boleh menyebut perkataan dengan betul.	
4	Murid tidak memerlukan bantuan guru semasa membaca/bercerita.	
5	Murid bertutur menggunakan sebutan baku.	

Cerita Animasi 3: Anjing yang Tamak

Senarai Semak: Penilaian Guru (Perbincangan)

Nama murid: _____ ()

Kelas: _____

Tarikh: _____

Tandakan (✓) dalam kurungan.

Murid boleh:

- | | |
|---|--------|
| 1. memulakan perbincangan. | () |
| 2. menyatakan pendapat. | () |
| 3. menyatakan sama ada setuju atau tidak bersetuju. | () |
| 4. mengambil giliran semasa berbincang. | () |
| 5. menggunakan sebutan baku secara konsisten. | () |

Maklum balas guru:

.....
.....

Nota:

Penilaian secara individu tidak perlu dijalankan bagi setiap murid. Guru boleh mengenal pasti kumpulan murid yang akan dinilai bagi pelajaran-pelajaran tertentu.

Cerita Animasi 3: Anjing yang Tamak
Senarai Semak - Penilaian Kendiri (Murid)

Nama murid: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Tandakan (✓) dalam ruang yang sesuai.

Tandakan [✓]

Saya boleh...		Ya	Tidak
1	memulakan perbincangan.		
2	menyatakan pendapat saya.		
3	menyokong atau menolak pandangan rakan.		
4	bercakap mengikut giliran.		
5	menggunakan sebutan baku.		

CERITA ANIMASI 3: ANJING YANG TAMAK

Tajuk	Anjing yang Tamak
Peringkat	P1B
Sinopsis	Kisah ini tentang Anjing yang tamak. Tulang yang digigit terjatuh ke dalam sungai.
Watak	Anjing dan Pencerita
Nilai	Jangan tamak, hidup bermasyarakat

No	Watak	Dialog
1	Pencerita	Pada suatu hari, ada seekor anjing sedang mencari makanan. Setelah puas mencari makanan, akhirnya anjing itu terjumpa seketul tulang.
2	Anjing	Aku mesti cepat pulang. Aku tidak mahu anjing lain melihat tulang ini. Apabila sampai di rumah, aku boleh makan tulang ini seorang diri.
3	Pencerita	Anjing itu menjadi tamak. Dalam perjalanan pulang, Anjing itu berjalan di atas titi. Semasa di atas titi, Anjing itu melihat ke dalam air.
4	Anjing	Eh, ada seekor anjing di bawah sana! Anjing itu menggonggong seketul tulang yang besar. Lebih besar daripada tulang aku.
5	Pencerita	Anjing yang tamak itu terperanjat. Dia berasa iri hati. Anjing yang ada di bawah titi sedang menggigit seketul tulang yang besar.
6	Anjing	Wah, kalau aku dapat tulang yang besar itu lagi baik. Bagaimana aku boleh mendapatkan tulang itu?
7	Pencerita	Anjing yang tamak itu mahu menakutkan anjing yang diijhatnya itu. Dia menggonggong dengan kuat. Semasa menggonggong, anjing itu membuka mulutnya. Tulang di mulutnya itu terjatuh ke dalam air.
8	Anjing	Eh, tulang yang aku gigit telah terjatuh ke dalam air!
9	Anjing	Apa? Anjing yang aku lihat tadi rupa-rupanya bayang-bayang aku sendiri? Mengapalah aku tamak sangat.
10	Pencerita	Begitulah kisahnya anjing yang tamak. Dia tamak kerana mahukan tulang yang lebih besar. Anjing itu pulang kelaparan. Akhirnya dia sendiri yang rugi. Orang tamak, selalu rugi.